

Pemuda Minta Kerajaan Kaji Semula Akta Keterangan 1950
Bernama
11 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin meminta perhatian kerajaan untuk menambahbaik Akta Keterangan 1950 yang berkuatkuasa 1 Jun lepas.

Beliau berkata akta tersebut dilihat masih ada kekurangan dan mempunyai ruang untuk diperbaiki bagi menjamin kebebasan pemilik laman web.

"Peruntukan yang dimaksudkan adalah dari segi kebebasan dan kebertanggungjawaban pihak yang mengendalikan web.

"Saya telah bangkitkan isu beban bukti kepada peguam Negara dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamad Nazri Aziz untuk mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak kerajaan," katanya kepada pemberita di Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana 1Malaysia di Masjid As-Syakirin, hari ini Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran yang disertai 700 pelajar maahad tahfiz sekitar lembah Klang.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Saifuddin Abdullah bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam pindaan akta itu.

Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012 memperlihatkan pindaan Fasal 2 yang bertujuan menggantikan takrif Komputer yang baru lebih komprehensif dan selaras dengan takrif Komputer dalam Akta Jenayah Komputer 1997.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687469>